

PKP Waktu Terbaik Berbudi Kepada Tanah



Oleh: Nurul Syazwani Mohd Nor

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 25 Julai 2021

Ramai orang menghabiskan waktu lapang mereka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan bersosial melalui alam maya, tidur dan menonton hiburan di televisyen.

Sebenarnya mereka juga boleh melakukan aktiviti pertanian yang mendatangkan keuntungan bukan sahaja pada diri sendiri malah orang di sekeliling.

Pada mulanya, bapa penulis mengajak kami sekeluarga untuk membantu mengusahakan beberapa bidang tanah terbiar yang dipajaknya.

Kebetulan waktu PKP semua berada di rumah, tanpa berfikir panjang kami semua terus bersetuju dengan cadangan itu.



Penulis dan keluarga berada di kebun yang diusahakan.

Bapa membahagikan tugas kepada kami enam beradik dengan sama rata bersesuaian dengan kudrat masing-masing.

Anak lelaki ditugaskan untuk mencangkul dan mengagihkan benih pisang di kawasan yang sepatutnya manakala anak perempuan pula ditugaskan untuk melakukan aktiviti menanam dan membaja.

Setiap hari, kami enam beradik berlumba-lumba bagi menghabiskan tugas masing-masing demi meraih gelaran pekerja terbaik oleh bapa dan ibu. Itulah hiburan kami setiap hari demi mengurangkan sedikit penat lelah setelah seharian di kebun.

Aktiviti berkebun sangat menarik untuk dilakukan seisi keluarga dan dapat mengisi masa yang terluang sepanjang pelaksanaan PKP.



Penulis menunjukkan hasil tanaman yang diusahakannya sekeluarga sewaktu PKP.

Tanah sekangkang kera boleh menjadi meriah dengan pelbagai jenis tanaman. Bagi yang tinggal di kawasan rumah pangsa atau kondominium, mereka boleh menggunakan ruang terhad di laman belakang atau balkoni.

Mereka boleh menanam sayur-sayuran secara hidroponik atau menyemai herba dan ulam-ulaman yang mudah untuk dijaga.

Apatah lagi bagi yang tinggal di rumah teres, banglo atau di kampung, mereka boleh menanam bunga-bunga atau buah-buahan yang dapat mendatangkan hasil yang lumayan.

Daripada Anas bin Malek r.a., Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: “Seseorang Muslim yang menanam sesuatu tanaman yang berbuah lalu dimakan oleh manusia atau binatang, mereka akan mendapat pahala sedekah.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bedasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa tanaman yang berbuah ibarat akan mendapat pahala kebajikan seperti pahala sedekah kerana hasilnya dapat dikongsi bersama dengan orang lain.

Pohon yang tidak berbuah juga seperti pohon bunga-bunga juga memberi manfaat kepada manusia dengan menghiasi dan menceriakan sesuatu kawasan.



Gambar hiasan

Salah satu kaedah penanaman popular yang boleh dilakukan ketika ini adalah hidroponik. Kaedah ini amat menjimatkan masa dan semudah ABC kerana hanya memerlukan air (A), baja (B) dan cahaya (C).

Ia tidak perlu disiram walaupun pemiliknya bekerja di luar kawasan lebih daripada tiga hari atau seminggu. Tanaman hidroponik bukan sahaja mesra alam, malah menghasilkan produk pertanian yang terjamin kebersihan dan kesegarannya tanpa sebarang racun serangga.

Pelbagai jenis penanaman hidroponik telah diperkenalkan seperti sistem sumbu atau Wick System, teknik filem nutrien (NFT), sistem pasang surut atau dikenali *ebb & flow system*, sistem drip, aeroponik, fertigasi dan pelbagai lagi.

Aktiviti berkebun atau bercucuk tanam di rumah memberi manfaat dalam mengawal tekanan, kebosanan dan kemurungan ketika pandemik. Hal ini kerana, aktiviti berkebun mengajar seseorang untuk mengenali dan memahami kehidupan lain di bumi.

Pada masa yang sama, ia dapat menjimatkan perbelanjaan harian kerana tidak perlu membeli sayur-sayuran dan buah-buahan di pasar.

Malah, lebih tanaman yang diperolehi dapat dikongsi bersama jiran mahupun penduduk setempat. Secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk suasana harmoni dalam kalangan masyarakat.

Hal ini membuktikan bahawa aktiviti pertanian sangat membantu dalam mencapai kelestarian alam. Aktiviti ini harus dipraktikkan dan dikekalkan dalam kalangan masyarakat.]

Melalui pertanian juga, masyarakat akan lebih menyayangi dan menjaga alam sekitar serta tanah dengan lebih baik.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab setiap individu menjaga alam sekitar dengan baik agar kita dapat mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Realitinya, alam sekitar perlu dijaga dengan sebaik mungkin oleh semua pihak supaya generasi akan datang juga dapat memperoleh manfaat yang sama.